

PELAJAR

DARIPADA HAMZAH SULAIMAN

1984  
PARIS, 24 (BERNAMA) - - PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS GOLONGAN PELAJAR YANG DIHANTAR UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN KE LUAR NEGERI YANG BUKAN SAHAJA TIDAK TAHU BERSYUKUR, MALAH ENGGAN MENGIKTIRAFKAN KERAJAAN.

BELIAU BERKATA, YANG LEBIH MENYEDIHKAN IALAH BELIAU SENDIRI TIDAK DI AKUI SEBAGAI PERDANA MENTERI.

BERUCAP DI SATU PERJUMPAAN DENGAN MASYARAKAT MALAYSIA DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR MENSIFATKAN MEREKA SEBAGAI GOLONGAN YANG TIDAK TAHU BERTERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN.

MENURUTNYA, TERDAPAT JUGA SETENGAH-SETENGAH PELAJAR YANG ENGGAN BERJUMPA DENGANNYA. PERDANA MENTERI BERHARAP KEADAAN YANG SEDEMIKIAN TIDAK AKAN BERLAKU DI PARIS.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN TELAH MENGKANTAR SEBILANGAN PARA PELAJARNYA UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN KE SINI SUPAYA MEREKA DAPAT MENIMBA ILMU PENGETAHUAN YANG PERLU BAGI PEMBANGUNAN NEGARA.

-- LAGI 2310/MB

ZCZC B689

PELAJAR 2 PARIS

KATANYA, KEPUTUSAN MENGHANTAR PELAJAR ITU DIBUAT SETELAH MENDAPAT PERSETUJUAN DARI PIHAK KERAJAAN PERANCIS.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGINGATKAN PARA PELAJAR YANG AKAN DIHANTAR SUPAYA BERHATI-HATI DAN JANGAN MUDAH DIPENGARUHI OLEH DAKYAH YANG TIDAK SIHAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP MASALAH YANG AKAN DIHADAPI OLEH PELAJAR YANG AKAN KE PERANCIS TIDAK MENJADI RUNCING SEPERTI YANG DIHADAPI OLEH RAKAN-RAKAN MEREKA DI AMERIKA SYARIKAT DAN UNITED KINGDOM.

MENURUTNYA, DI AMERIKA SYARIKAT SEMASA JUMLAH PELAJAR ADALAH KECIL, TIDAK BANYAK MASALAH YANG TIMBUL DAN PENCAPAIAN PARA PELAJAR DALAM BIDANG PELAJARAN MEREKA ADALAH MEMUASKAN.

BAGAIMANAPUN APABILA LEBIH RAMAI PELAJAR DIHANTAR, PENCAPAIAN MEREKA MULAI MEROSOT. -- LAGI 2314/MB

ZCZC B690

PELAJAR 3 PARIS

PADA MASA INI ADA LEBIH 10,000 ORANG PELAJAR YANG BERADA DI AMERIKA SYARIKAT DAN UNITED KINGDOM.

PERDANA MENTERI BERHARAP MASALAH YANG BERAT TIDAK AKAN DIHADAPI OLEH PELAJAR-PELAJAR YANG AKAN DIHANTAR KE PARIS NANTI.

MENGENAI BAHASA PERANCIS, BELIAU BERKATA IA ADALAH SATU BAHASA YANG TIDAK RAMAI DIKETAHUI DAN DIKUASAI OLEH RAKYAT MALAYSIA KERANA TIDAK RAMAI MEMINATINYA. -- BERNAMA 2316/MB